



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

NO. SEBUT HARGA : MBMB/SH/2024/90

**CADANGAN PROJEK NAIK TARAF LANDSKAP KAWASAN INTERAKTIF
SEJAGAT, TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK, TAMAN BANDARAYA BUKIT
SERINDIT, BANDAR HILIR BAGI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G2** di bawah **Kategori CE 14 (Landskap) dan CE 21 (Kerja-Kerja Am Kejuteraan Awam)** mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang beralamat di **Negeri Melaka** sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini. Tempoh sah laku sijil-sijil adalah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga
2. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **2 Julai 2024 (Selasa)** sehingga **9 Julai 2024 (Selasa)** melalui **Sistem Tender Online Melaka (STOM)**.
3. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat pada **2 Julai 2024 (Selasa) jam 3 petang**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Pendaftaran ini akan dibuka selama 1 jam sahaja iaitu bermula pada **jam 2.00 petang** sebelum taklimat bermula. Kontraktor dikehendaki berkumpul **di Auditorium Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya 75450 Melaka** pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan.
4. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.
5. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari, pada 9 Julai 2024 (Selasa)**
6. Penyebut Harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Sebut Harga ini sekiranya Penyebut Harga didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana Penyebut Harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar

Setiausaha Bandaraya

PLB

Ketua Audit Dalam